



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 09/2024**

**KEUTAMAAN ZUHUD DALAM KEHIDUPAN**

**1 Mac 2024**

*Bersamaan*

**20 Syaaban 1445**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْكَرِيمِ،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَتُوبُوا إِلَيْهِ جَمِيعًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ingatlah, hanya dengan bertakwa kepada Allah SWT, setiap manusia akan memperoleh rahmat untuk tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang berjaya di dunia dan akhirat.

Pada hari Jumaat yang penuh barakah ini, khatib menyeru kepada semua agar dapat memberi tumpuan terhadap khutbah yang bertajuk:

### **KEUTAMAAN ZUHUD DALAM KEHIDUPAN.**

**Muslimin yang berbahagia,**

Terdapat beberapa pandangan awam dalam memahami makna zuhud. Ada yang memahami bahawa zuhud bererti menolak dunia. Ada pula yang memahami zuhud mestilah hidup miskin dan tidak perlu berusaha untuk mendapat kesenangan hidup di dunia. Terdapat juga yang memahami zuhud dengan makna mengasingkan diri daripada orang lain dan tidak perlu memikirkan hal urusan dunia.

Sebenarnya zuhud tidak boleh difahami dengan pemahaman yang sempit. Zuhud adalah sifat yang perlu ada dalam diri setiap orang Islam dan bukan hanya dikaitkan dengan orang yang miskin, tidak terurus hidupnya, lemah, dan seumpamanya. Orang yang hidupnya miskin, sederhana, mahupun orang kaya perlu memiliki sifat zuhud kerana dengan demikian diri akan dikasihi oleh Allah SWT dan juga manusia.

Rasulullah SAW bersabda:

إِزْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُجِبَّكَ اللَّهُ، وَازْهَدْ فِيْمَا عِنْدَ النَّاسِ يُجِبَّكَ النَّاسُ

**Maksudnya:** Zuhudlah terhadap dunia, nescaya Allah akan mencintaimu, dan zuhudlah terhadap apa yang ada pada manusia, nescaya mereka akan mencintaimu.

(Hadis riwayat Ibnu Majah)

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Terdapat banyak tafsiran zuhud yang boleh dijadikan panduan agar kita tidak salah memahami maksudnya. Saidina Ali bin Abi Talib RA berkata: “Zuhud ialah jangan terlalu gembira apabila memperoleh kesenangan, dan jangan pula terlalu bersedih apabila mendapat musibah atau ujian.” Ini bermakna orang yang zuhud dapat menerima ketentuan hidupnya dengan redha dan tidak sesekali menyalahkan takdir.

Orang yang memiliki sifat zuhud memahami bahawa kehidupan di dunia ini hanya sementara. Dunia ialah tempat untuk menerima ujian daripada Allah SWT, untuk kemudiannya diganjari dengan pahala. Ujian kehidupan bukan sahaja melibatkan kesusahan, tetapi manusia juga diuji dengan kesenangan dan kebahagiaan.

Seorang Tabi' at-Tabi'in bernama Sufyan bin 'Uyainah menjelaskan bahawa: "Seseorang yang zuhud ialah jika mendapat nikmat, maka dia bersyukur kepada Allah SWT. Manakala jika ditimpa musibah, maka dia bersabar." Inilah hakikat zuhud yang perlu difahami oleh setiap Muslim.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Anbiya' ayat 35:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

**Maksudnya:** Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Orang yang kekal bersabar dan menahan diri daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT juga memiliki sifat zuhud. Ini sepertimana disebut oleh seorang Tabi'in bernama Ibnu Shihab az-Zuhri ketika ditanya tentang zuhud.

Beliau berkata: "Zuhud ialah sifat pada diri seseorang yang membuatnya tidak hilang kesabaran ketika berdepan dengan perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah SWT, dan perkara-perkara yang halal pula tidak menghalangnya daripada bersyukur."

Jelaslah bahawa zuhud bukan satu pilihan, sebaliknya ia sifat yang mesti ada dalam diri setiap orang Islam. Seseorang yang berusaha menahan diri daripada melakukan perkara haram yang dilarang oleh Allah SWT membuktikan dirinya beriman dengan adanya Hari Pembalasan serta takut kepada azab seksaan-Nya di Akhirat nanti.

Imam an-Nawawi menyatakan bahawa zuhud ialah meninggalkan urusan dunia yang tidak ada keperluannya dalam diri sekalipun perkara itu halal, serta berusaha mencukupkan diri dengan perkara yang perlu sahaja. Sifat zuhud mengajar manusia untuk memberi keutamaan terhadap perkara yang penting, dan meninggalkan perkara yang tidak memberi faedah atau perkara sia-sia.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil pengajaran penting berkaitan zuhud, iaitu:

**Pertama:** Zuhud bukan bermaksud menolak kehidupan dunia, sebaliknya menjadikan dunia sebagai jambatan untuk mencapai kebahagiaan di Akhirat.

**Kedua:** Orang yang memiliki sifat zuhud akan dikasihi oleh Allah SWT dan juga manusia lain.

**Ketiga:** Bersyukur kepada Allah SWT ketika memperoleh nikmat-Nya dan bersabar mendepani ujian kehidupan merupakan tanda wujudnya sifat zuhud dalam diri.

**Keempat:** Jauhkanlah diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh lagha lagi melalaikan, dan carilah masa untuk banyak mengingati Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾

هُوَ الَّذِي يُصَلِّي عَلَيْكُمْ وَمَلَائِكَتُهُ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

وَكَانَ بِالْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

**Maksudnya:** Wahai orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kamu kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang memberi rahmat kepada kamu, dan malaikat-Nya pula (berdoa bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan (kufur dan maksiat) kepada cahaya yang terang-benderang (iman dan taat); dan adalah Dia sentiasa melimpah-limpah rahmat-Nya kepada orang yang beriman.

(Surah al-Ahzab, ayat 41-43)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Wahai hamba-hamba Allah, berbaktilah kepada Allah SWT dan jagalah setiap gerak geri dan tutur kata. Setiap tindakan yang dilakukan dan setiap perkataan yang diucapkan pasti akan dicatat oleh malaikat. Sesungguhnya setiap manusia akan diserahkan buku amalan masing-masing pada hari Akhirat nanti, dan ketika itu setiap yang tercatat dalam buku amalan tidak dapat diubah dan tak dapat dipinda lagi. Mudah-mudahan dengan peringatan ini, kita akan menjadi hamba Allah yang mendapat rahmat serta keampunan-Nya dan dimasukkan ke dalam syurga bersama kekasih kita Nabi Muhammad SAW.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.



اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ  
أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

**Ya Allah,**

Kami memohon hidayah dan petunjuk ke jalan kebenaran. Tetapkanlah iman kami di dalam agama-Mu. Basahilah lidah kami dengan bacaan al-Quran dan zikir kepada-Mu. Jadikanlah akhlak junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan kami. Pereratkanlah hubungan sesama kami, saling bekerjasama dan bantu membantu dalam kebajikan dan taqwa.

**Ya Allah**

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

**Ya Allah,**

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ .  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

عِبَادَ اللهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ .